



Kedah
Malaysia
where it all began

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ قَدْحُ دٰرالامٰن

KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN

NEGERI KEDAH DARUL AMAN

ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN

05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-774 4000

: 04-774 4010

Faks : 04-733 0910

: 04-733 8717

: 04-774 4578

: 04-774 4643

"MUAFAKAT KEDAH"

Ruj Tuan :

Ruj Kami : (31) dlm. P.Kw.N.(K)1521 Jld. 2

Tarikh : II Rejab 1439

29 Mac 2018

**Semua Pegawai Pengawal
Jabatan Kerajaan Negeri**

YB. Dato'/YAA Dato'/Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

**PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN
BIL. 3 TAHUN 2018**

**Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan
Tahun 2019 Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman**

Adalah dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Kedah akan menyediakan cadangan anggaran perbelanjaan mengurus dan pembangunan jabatan-jabatan negeri bagi tahun 2019.

2. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini diedarkan **Pekeliling Perbendaharaan Negeri Kedah Darul Aman Bil. 3 Tahun 2018** yang mengandungi garis panduan bagi penyediaan anggaran perbelanjaan tahun 2019 yang perlu dipatuhi dan dijadikan panduan oleh pihak YB. Dato'/YAA Dato'/Y.Bhg./Dato'/Tuan/Puan.

3. Kerjasama serta perhatian dari pihak YB. Dato'/YAA Dato'/Y.Bhg./Dato'/Tuan/Puan dalam perlaksanaan pekeliling ini amatlah dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(NOR AZMAN NORDIN, AMK., BCK.)

Timbalan Pegawai Kewangan

b.p. Pegawai Kewangan Negeri

Kedah Darul Aman



Kepada
Semua Pegawai Pengawal
Negeri Kedah Darul Aman

PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BIL. 3 TAHUN 2018

GARIS PANDUAN BAGI PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN TAHUN 2019 KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memberi garis panduan mengenai penyediaan cadangan anggaran perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan jabatan-jabatan negeri bagi tahun 2019. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan cadangan perbelanjaan disediakan mengikut garis panduan yang ditetapkan dalam pekeliling ini.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Penyediaan Bajet Tahunan Negeri Kedah Bagi Tahun 2019 telah dirangka secara menyeluruh dan lengkap di peringkat Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah bermula seawal bulan April 2018. Seterusnya, pemeriksaan cadangan anggaran perbelanjaan mengurus dan pembangunan bersama jabatan pelaksana akan **bermula seawal bulan Mei 2018**.

- 2.2 Umum mengetahui ekonomi Malaysia berhadapan dengan persekitaran luar yang mencabar meliputi pertumbuhan ekonomi dunia yang tidak sekata, harga minyak yang rendah dan ketidak tentuan pasaran kewangan antarabangsa. Sekaligus keadaan ini turut memberi tempias kepada perkembangan ekonomi Negeri Kedah.
- 2.3 Namun Kerajaan Negeri komited dalam melaksanakan langkah-langkah penjimatan dan perbelanjaan berhemah untuk memastikan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kedah terus kukuh di masa akan datang. Oleh itu Kerajaan Negeri terus berusaha untuk meningkatkan hasil termasuk memperkenalkan hasil baru dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan iaitu Menyemak Semula Bayaran Royalti, Premium dan Ses Bagi Pengeluaran Kayu Getah dan Palma dan Caj Kenderaan Asing (RC) di Sempadan Malaysia-Thailand.
- 2.4 Dalam merealisasikan anggaran belanjawan tahun 2019, kerajaan akan mengawal pertambahan dalam perbelanjaan dan dalam masa yang sama akan mempastikan kualiti penyampaian perkhidmatan awam tidak terjejas. Oleh itu, Pegawai Pengawal disarankan merancang anggaran belanjawan 2019 dengan memfokuskan kepada keutamaan program/projek yang memberikan impak kepada jabatan dan Negeri Kedah amnya. Pengurangan perbelanjaan yang tidak kritikal, semakan semula keperluan sebenar pengisian jawatan dan bilangan perjawatan, mengelakkan pembaziran serta memastikan pengurusan kewangan yang cekap dan berhemat merupakan asas di dalam penyediaan anggaran belanjawan 2019.
- 2.5 Kerajaan negeri akan melaksanakan perakaunan akruan mulai tahun 2019 melalui Sistem 1-Speks. Perakaunan ini boleh menggambarkan kedudukan sebenar kewangan Kerajaan Negeri. Oleh itu, Pegawai Pengawal perlu memastikan anggaran belanjawan yang disediakan pada tahun 2019 adalah berdasarkan keperluan sebenar.

- 2.6 Bagi penyediaan Bajet Negeri Tahun 2019 ini, teguran dan pandangan Ketua Audit Negara akan diambil sebagai garis panduan dan asas di dalam menyediakan bajet negeri. Laporan Ketua Audit Negara menegur kelemahan pelaksanaan projek-projek Kerajaan Negeri, di mana jabatan pelaksana disaran mengutamakan projek-projek yang mempunyai pulangan dan nilai jangka panjang yang tinggi berdasarkan kajian kemungkinan yang disediakan sebelum sesuatu perbelanjaan diadakan. Setiap jabatan diharapkan supaya memantau dan memperbaiki kelemahan, menetapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat “*value for money*” bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperti mana yang dihasratkan oleh kerajaan.
- 2.7 Bagi mencapai hasrat ini, Bajet Tahun 2019 memberi penekanan kepada projek dan program yang memberi impak yang besar dan nilai yang tinggi melalui amalan perbelanjaan berhemah berdasarkan perancangan yang teliti demi mengelakkan pembaziran dan ketirisan.

3.0 PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2019

- 3.1 Bagi tahun Belanjawan 2019 penyediaan cadangan Perbelanjaan Mengurus adalah berasaskan kepada tatacara yang terkandung di dalam Sistem Belanjawan Diubahsuai (MBS). Dalam penyediaan belanjawan ini Pegawai Pengawal diminta mengamalkan pengurusan fiskal yang berhemah. Selain itu Pegawai Pengawal juga diminta menyediakan cadangan anggaran perbelanjaan mengurus yang mengambil kira keperluan sebenar dan memberi perhatian kepada perkara-perkara berikut semasa menyediakan cadangan perbelanjaan mengurus ;
- i) Garis panduan yang dikeluarkan dan masih berkuat kuasa berkenaan pengawalan perbelanjaan awam khususnya Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2008, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2008, Surat Pekeliling Bil 2 Tahun 2013 dan Pekeliling Perbendaharaan Negeri Kedah Bil. 1 Tahun 2018 perlu dipatuhi;

- ii) Semua program dan aktiviti hendaklah dinilai, diubahsuai dan disusun semula berdasarkan keutamaan semasa dalam melaksanakan “core business” fungsi jabatan;
 - iii) Memastikan semua perbelanjaan komited terutamanya yang berkontrak disediakan peruntukan yang mencukupi;
 - iv) Memastikan peruntukan emolumen disediakan secukupnya termasuk bagi pegawai sementara/kontrak yang dibayar di bawah Objek Sebagai 29000;
 - v) Keutamaan perbelanjaan disusun semula dengan mengambil kira keupayaan sebenar jabatan bagi mengelakkan peruntukan tidak dibelanjakan secara optimum.
 - vi) Penyelenggaraan aset Kerajaan termasuk bangunan, peralatan, kenderaan dan kelengkapan yang dapat mengurangkan kos di masa hadapan hendaklah diberi keutamaan.
- 3.2 Pegawai Pengawal diminta mengemaskini fungsi dan aktiviti jabatan masing-masing. Aktiviti yang mantap adalah perlu bagi melaksanakan fungsi jabatan dengan berkesan manakala aktiviti yang kurang mantap mesti diubahsuai atau dicantum dengan aktiviti yang lain. Program dan aktiviti yang didapati tidak lagi sesuai perlulah diberhentikan sejajar dengan pengstrukturkan perjawatan “Zero Based” yang diluluskan oleh JPA. Pejabat Daerah dan Tanah telah digabungkan di bawah satu Pegawai Pengawal. Oleh itu, pencantuman aktiviti dan fungsi perlu diberi keutamaan dalam menyediakan Anggaran Belanjawan Tahun 2019.
- 3.3 Sebagaimana tahun 2018, jumlah bagi cadangan batas perbelanjaan yang ditetapkan oleh Pejabat Kewangan dan Perpendaharaan Negeri adalah merangkumi **Dasar Sedia Ada, Dasar Baru** dan ‘**One-Off**’. Oleh yang demikian, jumlah keseluruhan permohonan cadangan anggaran perbelanjaan oleh Jabatan-Jabatan Negeri hendaklah tidak boleh melebihi daripada jumlah cadangan batas perbelanjaan yang akan ditetapkan oleh Pejabat Kewangan dan Perpendaharaan Negeri. Jabatan-Jabatan Negeri hendaklah mengambil langkah-langkah perlu seperti melaksanakan penjimatan, menyusun semula program

mengikut keutamaan atau menangguhkan program/aktiviti yang tidak kritikal bagi melaksanakan program/aktiviti penting lain berdasarkan kepada jumlah batas cadangan perbelanjaan yang ada.

- 3.4 Walaupun cadangan batas perbelanjaan telah merangkumi Dasar Baru dan ‘One-Off’, Pegawai Pengawal perlu mengemukakan justifikasi lengkap bagi permohonan yang melibatkan kedua-dua perkara tersebut.
- 3.5 **Cadangan Anggaran Bajet 2019 hendaklah mengambil kira kenaan “Goods and Services Tax” (GST) jika berkaitan.**
- 3.6 **Formula pengiraan Batas Perbelanjaan (ET) bagi tahun 2018 adalah seperti berikut :-**

Batas Perbelanjaan 2019 = Dasar Sedia Ada 2018 + [Dasar Baru 2018 - Peruntukan Aset] - Dasar Baru 2018 yang tidak dilaksanakan + jumlah kenaikan gaji tahunan 2019.

- a) Peruntukan Badan Berkanun hendaklah dikeluarkan daripada pengiraan Dasar Sedia Ada Jabatan.
- 3.7 Semua jabatan dikehendaki menyediakan bajet masing-masing berpandukan formula pengiraan Batas Perbelanjaan 2019 seperti di atas. Pematuhan kepada Batas Perbelanjaan tersebut adalah dimestikan dan tiada pengecualian yang akan diberikan.
- 3.8 **Pegawai Pengawal hendaklah mengagihkan jumlah Batas Perbelanjaan yang diperuntukan di antara aktiviti-aktiviti dan di antara objek-objek am perbelanjaan bagi memenuhi keperluan jabatan masing-masing.**

3.9 Dalam mengemukakan cadangan perbelanjaan Dasar Baru dan 'One-Off' (melalui Format ABM 4, ABM 5 dan ABM 6), Pegawai Pengawal diminta memastikan cadangan Dasar Baru atau 'One-Off' merupakan perbelanjaan yang benar-benar perlu untuk tahun 2019 yang diyakini dapat mengurangkan masalah atau meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan.

Nilai 'threshold' dikenakan untuk semua cadangan Dasar Baru atau 'One-Off' untuk tahun 2019.

3.10 Sekiranya terdapat penjimatan kos hasil daripada pemansuhan, pengecilan skop Dasar Sedia Ada atau perubahan proses, cadangan penjimatan Batas Dasar Sedia Ada hendaklah dikemukakan.

4.0 PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2019

4.2 Memandangkan tahun 2019 merupakan tahun keempat RMKe-11, Pegawai Pengawal perlu memastikan projek-projek RMKe-11 dilaksanakan dengan lancar agar projek-projek dapat disiapkan mengikut jadual perlaksanaan dan peruntukan yang disediakan digunakan sepenuhnya. Ini bagi memastikan projek-projek baru RMKe-11 dapat disiapkan mengikut jadual perlaksanaan yang ditetapkan. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan projek yang dicadangkan tersebut adalah termasuk dalam pelan perancangan strategik jabatan berkenaan dan selaras dengan Teras Pembangunan Negeri Kedah.

4.3 Pegawai Pengawal hendaklah memastikan peruntukan yang dipohon telah mengambil kira keupayaan melaksana oleh semua pihak berkenaan berasaskan perancangan yang rapi serta keperluan aliran tunai sebenar bagi tahun tersebut. Bagi tujuan ini, agensi hendaklah menyediakan jadual kerja bagi setiap projek dengan menyenaraikan semua aktiviti dan tempoh siap serta peruntukan kewangan yang diperlukan untuk setiap peringkat aktiviti.

- 4.4 Peruntukan untuk projek-projek baru akan hanya dipertimbangkan di dalam keadaan berikut :-
- i. Perancangan untuk projek tersebut telah siap dan sedia untuk dilaksanakan.
 - ii. Pengambilan tanah telah selesai.
 - iii. Tapak pembinaan bebas dari masalah setinggan.
 - iv. Jabatan bukan teknikal hendaklah merujuk kepada Jabatan Kerja Raya bagi tujuan pelaksanaan dan jadual perancangan kerja.
- 4.5 Pegawai Pengawal mesti menyediakan peruntukan 'token' RM 10.00 sahaja bagi projek-projek baru yang akan dilaksanakan yang mana urusan pengambilan balik tanah, kajian kesesuaian tanah dan kajian kemungkinan projek belum dimuktamadkan.
- 4.6 Pengambilan balik tanah yang melibatkan projek Kerajaan Negeri sahaja boleh dimasukkan dalam Anggaran Belanjawan 2019. Bagi projek-projek di bawah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan atau Pihak Berkuasa Tempatan atau Badan-badan Berkanun atau Agensi Kerajaan lain, cadangan hendaklah dikemukakan kepada pihak yang berkenaan untuk menyediakan anggaran perbelanjaannya sendiri.
- 4.7 Bagi Projek pembangunan yang tempoh perlaksanaannya melebihi satu tahun, Pegawai Pengawal hendaklah memastikan peruntukan sebenar yang diperlukan bagi tahun 2019 manakala bakinya dipohon pada tahun-tahun berikutnya.
- 4.8 Bagi projek yang sedang berjalan dan tempoh perlaksanaan melebihi satu tahun dan memerlukan peruntukan seterusnya, permohonan cadangan perbelanjaan hendaklah disokong dengan justifikasi yang jelas dan tahap kemajuan perlaksanaan projek berkenaan.

- 4.9 Penyediaan cadangan perbelanjaan pembangunan hendaklah menggunakan format-format yang disediakan. Cadangan perbelanjaan yang dikemukakan hendaklah disokong dengan justifikasi yang jelas. Perancangan perbelanjaan hendaklah ‘realistic’ dan mengambil kira kemampuan pelaksanaan dalam tahun perbelanjaan yang dicadangkan untuk mengelakkan ‘*shortfall*’.

5.0 PENYAMPAIAN CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN 2019

- 5.1 Bagi Perbelanjaan Mengurus, cadangan perbelanjaan hendaklah dibuat dengan menggunakan **Format ABM 7 (Perbelanjaan mengikut objek sebagai)**.
- 5.2 Cadangan Anggaran **Perbelanjaan Mengurus** hendaklah **disediakan dalam tiga (3) naskah** mengikut format yang ditetapkan.
- 5.3 Cadangan Anggaran **Perbelanjaan Pembangunan** hendaklah disediakan mengikut format yang ditetapkan. Satu (1) naskah dihantar ke **Pejabat Kewangan dan Perpendaharaan Negeri Kedah** dan lima (5) naskah dihantar ke **Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)**.
- 5.4 Cadangan Anggaran Perbelanjaan Tahun 2019 dengan menggunakan format yang ditetapkan di atas **hendaklah dikemukakan ke Pejabat Kewangan dan Perpendaharaan Negeri Kedah tidak lewat pada 30 April 2018**.
- 5.5 Pegawai Pengawal mesti memastikan Cadangan Anggaran Perbelanjaan yang dikemukakan adalah **MUKTAMAD**. Pejabat Kewangan dan Perpendaharaan Negeri **AKAN** menolak sebarang pindaan atau penambahan ke atas cadangan yang dikemukakan selepas tarikh tersebut.

6.0 PEMERIKSAAN BELANJAWAN TAHUN 2019

- 6.1 Pemeriksaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2019 akan diadakan bermula bulan **Mei 2018**.
- 6.2 Pemeriksaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan akan dibuat bersama-sama Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan).

7.0 PENUTUP

- 7.1 Pegawai Pengawal yang memerlukan maklumat dan penjelasan lanjut bolehlah menghubungi Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Belanjawan) atau Ketua Unit Belanjawan, Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah Darul Aman.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“MUAFAKAT KEDAH”

Saya yang menurut perintah,

**(DATO' AMMAR BIN DATO' SHAIKH MAHMOOD NAIM,
DSDK., JSD., AMK., BCK.)
Pegawai Kewangan Negeri
Kedah Darul Aman.**

Tarikh : **29 MAR 2018**

s.k : Yang Berhormat
Dato' Paduka Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman

Tuan Timbalan Pegawai Kewangan Negeri Kedah

Bendahari Negeri Kedah

Pengarah Jabatan Audit Negeri

Audit Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah